

12/08/1998

Pertahankan negara daripada dijajah

Hanafiah Sa'ad

SAYA ingin menyeru kepada diri saya sendiri dan semua masyarakat Melayu amnya dan umat Islam khususnya, bertepatan dengan usia negara mencapai ke-41 tahun merdeka, marilah kita bangun dan sedar daripada sifat negatif.

Lihatlah di sekeliling kita, sama ada diri, kampung mahu pun negara. Gunakanlah akal fikiran yang dikurniakan Allah dengan sebaik-baiknya.

Sememangnya sudah menjadi matlamat penjajah menyemaikan sifat suka kepada hiburan, pertelegahan sesama sendiri dan memisahkan kehidupan di dunia dengan akhirat. Tetapi selepas negara merdeka, haruskah kita isikan kemerdekaan dengan perbuatan yang tidak berakhlak?

Saudaraku seagama dan sebangsa, marilah kita lupakan sengketa, marilah kita bertaut semula, marilah kita bersatu, marilah kita membina akhlak yang mulia. Sengketa, permusuhan, perbalahan cuma akan mengundang seribu satu bencana kepada kita sendiri.

Apakah kita harus satu hari menjadi pengemis di negara sendiri? Apakah kita harus bertuankan orang lain di tanah peninggalan nenek moyang kita? Ke mana kita hendak pergi? Tanah Melayu hanya satu. Jika yang satu ini tidak dipertahankan sebaik mungkin, tidak mustahil sejarah pahit akan tercatat dalam lipatan sejarah pada suatu hari nanti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya baru-baru ini berkata, jika kita dijajah semula, jangan mimpikan kebebasan di negara sendiri. Kita hanya menjadi kuli, keistimewaan sebagai Bumiputera akan tercabut. Tidak mustahil jika ini berlaku, Melayu dan umat Islam khususnya mungkin tidak mendengar azan sama ada di masjid, surau dan di media elektronik.

Oleh itu, marilah kita bersatu dan menyiapkan diri dengan segala persiapan sebelum terlambat. Selamilah kata-kata Perdana Menteri dengan sedalamnya, tafsirkanlah kata-kata itu dengan sebaik-baiknya.

Akhirnya marilah sama-sama kita memohon limpah perkenan dari Yang Maha Esa, agar kita sentiasa dilindungi daripada segala bencana.